



1. JAWATAN	: PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: DUA (2)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pertanian / Ternakan atau bidang bersesuaian.
- b) i) Sedang berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sebagai Pegawai Pemeliharaan Ternakan dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.
- ATAU**
- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.
- ATAU**
- c) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PEMELIHARAAN TERNAKAN KANAN:

1. Merancang, melaksanakan, memantau serta menyelaras pelaksanaan pelbagai program berhubung industri ternakan seperti:
 - i. Meningkatkan penghasilan komoditi dari ternakan ruminan dan bukan ruminan.
 - ii. Meningkatkan penyerapan penggunaan teknologi dalam penternakan.
 - iii. Meningkatkan pengawasan dan kawalan penyakit ternakan.
 - iv. Meningkatkan kualiti makanan haiwan.
 - v. Meningkatkan program dokongan diagnostik dan kawalan kualiti.
 - vi. Meningkatkan kawalan kualiti ladang dan premis pemprosesan.
2. Memperbaiki serta menyusun pelbagai program berhubung industri ternakan mengikut keperluan semasa jika perlu.
3. Mengawas dan menyelaraskan pemantauan dan surveilans berkaitan dengan status pengeluaran dan penyakit ternakan.
4. Mengenalpasti serta menangani isu-isu yang menjejaskan perkembangan dan pengeluaran industri ternakan.
5. Bertanggungjawab untuk memastikan, memantau dan menyelaraskan aktiviti impot dan ekspot bagi haiwan dan produk haiwan.
6. Bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan peningkatan Amalan Baik Pemeliharaan Haiwan (*Good Animal Husbandry Practice*) di ladang-ladang ternakan.
7. Melaksanakan tugas-tugas khas yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Penolong Pengarah / Ketua Bahagian Industri Ternakan dan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.